

▼09/12/20-01MST  
K GB 09-12 00168 BH114

bah

Ulangan Pembetulan

Lima - PM

PM MELAWAT KAWASAN PAMERAN TERTUTUP LIMA

T

LANGKAWI, 9 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjungi pelbagai syarikat yang mengambil bahagian dalam Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '93) di sini.

Antara kumpulan-kumpulan syarikat peraga di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, tempat utama pameran LIMA '93 show, yang dikunjungi Dr Mahathir ialah yang menempatkan syarikat-syarikat pertahanan dan industri udara dari Malaysia, Perancis, Itali dan Russia.

Pameran LIMA '93 selama enam hari mulai Selasa, disertai oleh 375 syarikat dari 23 negara.

Di astaka Malaysia dimana Perdana Menteri menyaksikan pelancaran Dornier Seastar, yang bakal menjadi pesawat amfibia pertama buatan tempatan, Dr. Mahathir melawat beberapa gerai.

Antaranya ialah Naval Dockyard Sdn Bhd yang akan memasuki satu projek besar pembinaan kapal tentera laut, SME Aerospace dan SME Aviation -- pengeluar tempatan bagi pesawat pelatih MD-3, syarikat alat komunikasi Sapura dan Shahpadu Aviation Sdn Bhd. -- lagi

▼09/12/20-02MST

R GB 09-12 00152 BH115

bah

Lima - PM 2 (akhir) Langkawi

Di sektor Itali, beliau melawat syarikat pengeluar helikopter, Agusta, dan gergasi industri udara, Alenia, yang kini terlibat dalam peningkatan beberapa sistem kawalan trafik udara bagi lapangan-lapangan terbang Malaysia disamping memperkenalkan pesawat pengangkut tentera G-222 kepada Tentera Udara Diraja Malaysia.

Perdana Menteri juga mengunjungi astaka Perancis dimana beliau diberi taklimat mengenai pelbagai peralatan yang diperagakan oleh para pegawai syarikat Thomson-CSF dan pengeluar pesawat Dassault.

Dr. Mahathir juga menghabiskan kira-kira 45 minit di astaka Russia mendengar taklimat daripada pegawai dan pakar dari beberapa syarikat negara berkenaan.

Russia merupakan antara peraga utama di LIMA '93 dengan membawa pasukan pertunjukan udara MiG-29 dan Su-27. Malaysia telah memutuskan pembelian 18 buah pesawat MiG-29 untuk TUDM.

Pada akhir lawatannya, Perdana Menteri meninjau dari dekat kapal perang Denmark, "Vaedderen", yang berlabuh di jeti Tanjung Mali Jetty. -- Bernama  
MGM ZV SIA

▼09/12/20-03MST